

Malaysia mahu perluas jangkauan ekonomi menerusi perhubungan kereta api

UM 15 MAR 2002

MOSCOW 14 Mac — Malaysia sedang merancang untuk memperluaskan jangkauan ekonominya ke rantau Asia Timur dan Asia Tengah melalui perhubungan kereta api dengan China, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau memberitahu Presiden Rusia, Vladimir Putin, rancangan itu diharapkan meningkatkan perdagangan dan pertukaran teknologi antara negara-negara di rantau tersebut, termasuk Rusia sebagai sebuah negara peserta yang tidak boleh diketepikan.

“Kemungkinan ini akan bertambah nyata apabila akhirnya terbentuk sebuah koridor timur yang akan menghubungkan Asia Tenggara dan Asia Timur.

“Pertumbuhan ekonomi yang menyusul pastinya akan mewujudkan suasana keselamatan antarabangsa yang lebih stabil dan aman di rantau ini,” katanya dalam ucapan pada jamuan tengah hari yang diberikan oleh pemimpin Rusia itu bagi meraikan lawatan rasmi Dr. Mahathir ke negara ini.

Sebelum itu, mereka mengadakan pertemuan secara tertutup di pejabat Putin di Istana Besar Kremlin yang disusuli dengan mesyuarat rasmi perwakilan kedua-dua negara.

Ini adalah pertemuan ketiga antara mereka yang dikatakan telah menjalin hubungan erat selepas pertemuan pertama pada Sidang Kemuncak APEC di Brunei (2000) dan disusuli dengan Sidang Kemuncak di Shanghai (2001).

Jika dalam dua pertemuan sebelumnya kedua-dua pemimpin itu banyak berbincang mengenai isu-isu antarabangsa, pertemuan kali lebih menumpukan kepada isu-isu dua hala.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia menyoroti dengan penuh minat pencapaian Rusia dalam bidang sains dan teknologi, kejuruiteraan berat serta penyelidikan dan pembangunan sains.

“Saya percaya ada potensi besar untuk bekerjasama, khususnya di bidang teknologi maklumat dan komputer, industri penerbangan angkasa, perdagangan dan pelaburan.

“Dengan pengalaman Malaysia dalam ekonomi pasaran dan infrastruktur yang mapan dalam sektor perdagangan dan industri, serta kekayaan sumber-sumber sains dan teknologi Rusia, saya percaya ada ruang bagi kita menjalin perkongsian bestari,” kata Dr. Mahathir dalam ucapannya.

Beliau berharap Malaysia dan Rusia juga bekerjasama dalam bidang-bidang baru termasuk pendidikan, kebudayaan dan pelancongan.

Dr. Mahathir juga berharap perdagangan dua hala ditingkatkan kerana jumlah dagangan AS\$300 setahun yang dicatat sekarang adalah masih kecil dan sentiasa memihak kepada Rusia.

Katanya, dewan perniagaan kedua-dua negara mestilah berperanan lebih aktif bagi menggalak dan membantu para pengeksporth dan pengimport dalam mengenali dan mencari sumber produk-produk dagangan.

Beliau juga mengesyorkan kedua-dua negara berdagang secara terus yang lebih menguntungkan daripada melalui pihak ketiga sebagaimana yang berjalan sekarang.

Perdana Menteri juga menegaskan pendapat Malaysia tentang perlunya diadakan satu persidangan antarabangsa mengenai keganasan.

“Persidangan seumpama akan membolehkan kita merumuskan takrif keganasan supaya segala tindakan ganas dapat dikenali dan dikutuk segera,” katanya.

Selepas mengetuai perwakilan kerajaan Malaysia dalam rundingan rasmi dua hala, Dr. Mahathir terus menghadiri Forum Bisnes dan Teknologi Malaysia-Rusia untuk menyampaikan ucapan utama dan berdialog dengan para peserta yang terdiri daripada tokoh-tokoh korporat kedua-dua negara.

Pada sebelah malam, beliau menghadiri majlis makan malam bersama kira-kira 90 pelajar Malaysia yang kebanyakannya menuntut dalam jurusan perubatan di Moscow. — *Utusan*